

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

**YWP 221 – Kewartawanan I**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

***Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.***

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Berdasarkan lembaran fakta yang dilampirkan, tulis satu berita lengkap. Andaikan kejadian berlaku hari ini.

(100 markah)

2. Seorang wartawan ingin membuat satu wawancara eksklusif dengan seorang tokoh politik tempatan mengenai satu isu. Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh wartawan tersebut.

(100 markah)

3. Hurai dan bincangkan lapan perkara yang disentuh dalam Kod Perilaku Profesional Anggota Kesatuan Wartawan Malaysia.

(100 markah)

4. Dalam *Media Watch* (1990) Raja Aziz Addruse mendakwa bahawa kebebasan berakhbar semakin terhakis di negara ini. Huraikan dakwaan beliau dan sejauh manakah anda bersetuju dengan dakwaan tersebut?

(100 markah)

Awal pagi ini Encik Saad bin Din, seorang petani di Balik Pulau, sedang bekerja di kebun di belakang rumahnya. Luas kebun tersebut ialah kira-kira satu ekar. Sedang Encik Saad mencangkul dia tiba-tiba tercangkul sebutir bom yang belum meletup yang tertanam di dalam tanah.

Bom itu meletup, Encik Saad mati dengan serta-merta. Beliau berumur 53 tahun. Pihak polis memberitahu kemudiannya bahawa bom tersebut ialah sebutir bom Perang Dua Kedua.

Bila bom itu meletup, anak lelaki Encik Saad, Dali bin Saad, berumur 24 tahun, meluru turun dari rumah. Beliau mendapati ayahnya sudah mati. Waktu itu pukul 7:30 pagi.

Dali membawa mayat ayahnya masuk ke dalam rumah. Beliau memberitahu adik perempuannya, Zubaidah binti Saad, 19 tahun, supaya segera melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis di balai polis Balik Pulau.

Tidak lama kemudian, semasa beliau menyiasat punca letupan itu, Dali melihat satu sudut kotak besi yang besar dan berkarat di tempat ayahnya mencangkul tadi.

Dali mula mengorek di tempat itu. Selepas beliau mengorek selama lebih kurang setengah jam barulah bahagian atas kotak besi itu terdedah kesemuanya. Dali berkata kemudiannya: "Saya tidak tahu kenapa saya mengorek terus. Saya cuma marah kerana kematian ayah saya. Saya langsung tidak fikirkan bahawa boleh jadi ada lagi bom di tempat itu, Sekarang bila saya fikirkan tentang hal itu saya merasa gerun."

Dali mencungkil penutup kotak besi yang berkarat itu. Dan, dalam kotak besti berkarat tersebut, Dali mendapati berbaris-baris ketul emas empat segi yang disusun dengan rapi. Terdapat 1,120 ketul emas kesemuanya. Tiap-tiap satu seberat kira-kira satu paun. Adalah dianggarkan bahawa kesemua emas tersebut bernilai lebih dari RM50 juta.

Adalah difahamkan bahawa mengikut Undang-Undang Harta Karun Negara, Dali, sebagai orang yang menjumpai harta karun tersebut, akan mendapat 30% daripada nilainya.

Tetapi kata Dali: "Saya amat sedih sekarang. Semua emas yang ada dalam dunia pun tidak dapat membeli nyawa ayah saya. Saya cukup sayangkan ayah saya."

Beberapa butir bom lagi telah dijumpai oleh pihak polis tertanam di sekeliling kotak besi tersebut. Polis percaya bom-bom dan ketul-ketul emas tersebut ditanam oleh Tentera Jepun sebelum mereka menyerah kalah kepada pihak Bersekutu pada 14 Ogos 1945. (Jerman menyerah kalah pada 7 Mei 1945). Polis percaya bahawa bom-bom tersebut di tanam untuk menjaga untuk dan mengawal ketul-ketul emas yang tersimpan di dalam kotak besi itu.

Emas tersebut sekarang tersimpan di balai polis Balik Pulau. Enam orang anggota polis telah ditambah di balai polis tersebut untuk menjaga ketul-ketul emas tersebut.

Adalah difahamkan bahawa para pakar dan pemeriksa dari Bank Negara, Perbadanan Muzium Negara, Arkib Negara, dan Persatuan Sejarah Kebangsaan akan tiba di Balik Pulau untuk membuat penilaian dan kajian ke atas emas tersebut. Beberapa orang pakar sejarah di Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan juga Universiti Kebangsaan akan menyertai pakar-pakar yang akan menilai dan mengkaji emas tersebut.

Orang ramai tidak dibenarkan menyaksikan emas tersebut setakat ini. Tetapi pihak polis mengatakan bahawa ada kemungkinan emas itu akan dipamerkan oleh pihak Muzium Negara dalam masa sebulan dua lagi. Bagaimanapun, perkara ini masih belum diputuskan.

Jenazah Allahyarham Saad bin Din akan dikebumikan di tanah perkuburan di masjid di Balik Pulau.

#####